

Isu-isu Pembangunan Komuniti Luar Bandar *di Malaysia*

Editor:

Salfarina Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh & Novel Lyndon

Isu-Isu Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia
©UTS Publisher, 2022

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in Publication Data

Isu-Isu Pembangunan Komuniti di Luar Bandar Malaysia / editor Salfarina Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh dan Novel Lyndon

ISBN 978-629-97288-0-1

1. Isu-Isu. 2. Pembangunan Komuniti. 3. Luar Bandar. 4. Malaysia.
I. Salfarina Abdul Gapor. II. Daniel Ugih Echoh. III. Novel Lyndon

UTS Publisher
University of Technology Sarawak (UTS)
No 1 Jalan Universiti
96000 Sibu, Sarawak, Malaysia.

Editor Naskhah: Salfarina Abdul Gapor
Perek Bentuk Kulit Buku: Nur Azura Mohamad
Pembaca Pruf: Daniel Ugih Echoh & Salfarina Abdul Gapor
Pengatur Huruf: Nur Azura Mohamad
Pewasit: Sarjit Singh Gill
Dicetak oleh: Vicskill Printing Sdn. Bhd.
RM 50.00

Isu-Isu Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia


Editor

Salfarina Abdul Gapor
Universiti Teknologi Sarawak

Daniel Ugih Echoh
Universiti Malaysia Sarawak

dan

Novel Lyndon
Universiti Kebangsaan Malaysia



Bab 7

KESAN MIGRASI KELUAR KAUM LELAKI TERHADAP INSTITUSI KELUARGA DI LUAR BANDAR NEGERI SARAWAK

*Salfarina Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh,
Haris Fadzilah Abdul Rahman*

PENGENALAN

Migrasi didefinisikan sebagai penghijrahan sekumpulan manusia dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar atau kawasan maju. Terdapat dua jenis migrasi iaitu migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa. Migrasi dalaman bermaksud migrasi yang berlaku dalam sesebuah negara manakala migrasi antarabangsa melibatkan migrasi antara sesebuah negara dengan negara lain. Proses migrasi seringkali dikaitkan dengan proses urbanisasi (Mohd Fadzil, 2010). Ini kerana keupayaan sesebuah bandar mewujudkan peluang pekerjaan dan pelbagai kemudahan asas sehingga menarik fenomena migrasi berlaku. Di Malaysia, migrasi antara luar bandar ke bandar lebih tinggi berbanding migrasi dari bandar ke luar bandar iaitu masing-masing 19.8 peratus dan 6.3 peratus (Malaysia, 2018). Fenomena ini turut berlaku di negeri Sarawak yang menyaksikan migrasi antara luar bandar dan bandar, ke negeri lain dan luar negara. Antara bandar yang sering menjadi tumpuan migrasi dalam negeri Sarawak adalah bandar Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri.

Dalam konteks migrasi antara negeri pula melibatkan negeri Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan diikuti oleh negeri-negeri lain. Komuniti Iban di Sarawak seringkali dikaitkan dengan migrasi yang turut dikenali sebagai “*bejalai*” iaitu berhijrah ke kawasan maju yang menyediakan peluang ekonomi terutamanya peluang pekerjaan. *Bejalai* sangat penting dalam kalangan lelaki Iban kerana lelaki bertanggungjawab mencari wang untuk menyara keluarga. Kaum wanita tinggal di kampung bertanggungjawab menghantar anak ke sekolah, menjaga orang tua, mewakili suami dalam program peringkat rumah panjang dan kampung


serta menguruskan pelbagai hal rumah tangga. Terdapat tiga faktor yang sering mendorong budaya *bejalai*. Pertama ialah faktor kekurangan sumber pendapatan seperti perniagaan dan pekerjaan. Kedua, masalah infrastruktur yang menyukarkan komuniti luar bandar memasarkan hasil tani dan produk tempatan. Ketiga, *bejalai* melambangkan ketinggian status seorang anak lelaki dalam kalangan komuniti setempat.

GENDER DALAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Wanita memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Di luar bandar, peranan wanita bukan sahaja membantu kaum lelaki dalam aktiviti pertanian malah wanita bertanggungjawab menguruskan hal rumah tangga seperti memasak, menjaga anak, menghantar anak ke sekolah, mencuci pakaian serta membantu suami menambah pendapatan. Di Maasai, wanita yang berkemahiran membuat kraftangan dan mempunyai pengetahuan berkaitan pelancongan turut membantu meningkatkan ekonomi keluarga di kawasan tersebut (Cammen, 1997). Walaubagaimanapun, mereka hanya dibenarkan terlibat dalam aktiviti pelancongan di kawasan luar bandar yang kurang formal. Masalah ini berlaku kerana terdapat halangan norma-norma sosial dan adat masyarakat tempatan di negara tersebut (Scheyvens, 2000). Menurut Boserup (1970), wanita di luar bandar bertanggungjawab menyediakan bekalan makanan dengan mengusahakan kebun kecil di kawasan rumah dan tanah milik suami mereka. Suami mereka pula mengusahakan tanaman untuk tujuan dieksport bagi menampung kehidupan. Kajian oleh Little (2002) mendapati wanita lebih cenderung bekerja dalam sektor tidak bergaji kerana masalah akses kepada pengangkutan, penjagaan anak dan kemudahan kesihatan.

Mereka terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan bekerja secara sambilan sepetimana hasil kajian oleh Tan (1992) terhadap tanggungjawab wanita di luar bandar. Sektor luar bandar di Malaysia juga berdepan dengan masalah ketidaksamaan gender seperti yang berlaku di negara-negara lain. Di Sarawak, wanita dalam kalangan komuniti Iban tinggal di rumah panjang sementara suami mereka bekerja di bandar, negeri dalam Malaysia dan di luar negara. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab mengasuh anak dan menguruskan hal rumah tangga malah mereka juga berperanan sebagai ketua keluarga. Kajian lepas turut mengaitkan isu migrasi seperti yang belaku di Kapit sebagai antara punca masalah pembangunan di luar bandar di Malaysia (Daniel Ugh, 2014). Skop tanggungjawab yang

terhad di luar bandar menyebabkan wanita Iban lebih gemar bekerja dalam pekerjaan yang tidak bergaji. Migrasi dari kawasan luar bandar seperti di bahagian Kapit di Sarawak masih berlaku. Bahagian Kapit seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.1 mempunyai keluasan 38,934 kilometer persegi.




Rajah 7.1: Kedudukan Bahagian Kapit

(Sumber: <http://training.sains.com.my/web/modules/pages.php?>)

Kapit merupakan bahagian terbesar di Sarawak yang mentadbir daerah Kapit, Belaga, Song dan Bukit Mabong. Sumber ekonomi utama bahagian Kapit adalah pembalakan, arang batu, kuasa hidro dan pelancongan. Dari segi kependudukan, bahagian Kapit didiami 130,800 penduduk seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.2.

Etnik Iban paling ramai di Kapit dan diikuti Bumiputera lain. Dua etnik utama Orang Ulu iaitu Bumiputera Sarawak yang paling ramai di bahagian Kapit adalah etnik Kayan dan Kenyah. Etnik Orang Ulu lain yang turut mendiami bahagian Kapit adalah Kajang (Punan, Sekapan, Kejaman, Lahanan, Tanjong dan Ukit). Dari segi pekerjaan, kebanyakan etnik Iban dan Orang Ulu bekerja di kem pembalakan dan mengamalkan aktiviti pertanian pindah. Manakala etnik Cina tinggal di kawasan pekan Kapit, Song dan Belaga serta terlibat dalam aktiviti perniagaan, swasta dan pentadbiran awam. Etnik Melayu dan Melanau pula tinggal di kawasan penempatan di pinggir bandar. Kerajaan berdepan pelbagai cabaran untuk membangunkan daerah-daerah di Kapit kerana masalah topografi, penempatan penduduk yang berselerak, budaya

dan kedudukan bahagian tersebut yang jauh dari bandar-bandar utama di Sarawak.



Rajah 7.2:
Populasi Penduduk di Bahagian Kapit Mengikut Etnik, 2018
(Sumber: Unit Perancangan Negeri Sarawak, 2018)

KESAN BUDAYA MIGRASI KAUM LELAKI DI KAPIT TERHADAP INSTITUSI KELUARGA

Kebanyakan ketua isi rumah di Kapit bekerja dalam sektor pembalakan dan terdapat juga yang melibatkan diri dalam industri minyak dan gas terutamanya di luar pantai dan bekerja di sektor pembinaan. Industri pembalakan semakin berkurangan kerana perubahan tanah kepada industri kelapa sawit dan kekurangan balak. Lelaki Iban yang bekerja dalam sektor tersebut berdepan dengan masalah untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran dan pengalaman mereka seperti dalam sektor pembalakan. Kemahiran dan pengalaman mereka termasuk mengendalikan mesin jengkaut, kren, jentolak, pemandu lori, penyelia kem dan pengurusan logistik dalam pembalakan. Kemerosotan pulangan dalam sektor tersebut di Sarawak menyebabkan syarikat pembalakan berpindah ke luar negara seperti di Pulau Solomon dan Papua New Guinea. Bekas pekerja dalam sektor pembalakan tidak biasa menjalankan aktiviti pekerjaan tradisional seperti pertanian. Kemahiran dan

pengalaman dalam sektor pembalakan menyebabkan mereka ditawarkan bekerja dalam sektor pembalakan di luar negara selaras dengan budaya orang Iban iaitu *bejalai*. Jadual 7.1 menunjukkan bilangan lelaki Iban yang *bejalai* mengikut rumah dan tempat mereka *bejalai*.

Jadual 7.1: Lokasi Lelaki Iban *Bejalai* mengikut Rumah Panjang

Rumah Panjang	Lokasi <i>bejalai</i>
Rumah Bawan	Dalam Malaysia
Rumah Daro	Kuala Lumpur, Indonesia
Rumah Ekau	Dalam Malaysia
Rumah Emperan	Papua New Guinea, Brunei, Pulau Solomon, Johor, Singapura
Rumah Enting	Papua New Guinea, Afrika Selatan
Rumah Gerut	Dalam Malaysia
Rumah Jarop	Baram, Bintulu, Singapura, Brunei, Kuala Lumpur, Papua New Guinea, India
Rumah Lahanan	Semenanjung Malaysia
Rumah Manuk Mancal	Papua New Guinea, Brunei, Pulau Solomon, Johor, Singapura
Rumah Nyaving	Kapit, Belaga
Rumah Arun	-
Rumah Richard	Dubai, Pulau Solomon, Papua New Guinea
Rumah Serit	Pulau Solomon, Singapura
Rumah Timothy	Pulau Solomon, Singapura

Walaubagaimanapun, budaya *bejalai* yang berterusan dalam kalangan lelaki Iban di Kapit telah mendatangkan kesan kepada kehidupan sehari-hari serta tanggungjawab keluarga seperti anak, isteri dan orang tua yang ditinggalkan. Memang tidak dinafikan bahawa *bejalai* telah menyumbang kepada sumber pendapatan isi rumah melalui wang yang dikirim kepada keluarga di kampung. Malah, pengiriman wang ke institusi kewangan di Kapit adalah antara yang tertinggi di Sarawak. Mereka yang bekerja di luar kawasan Kapit pulang semasa musim perayaan seperti Hari Gawai dan Krismas. Wanita

dan orang tua yang tinggal di kampung tidak semata - mata mengharapkan wang kiriman daripada ketua keluarga yang bekerja jauh. Bagi menambah pendapatan mereka dan mengukuhkan kuasa kewangan, golongan wanita juga bekerja sendiri. Wanita yang tinggal di kampung halaman terlibat dengan aktiviti pertanian seperti menanam padi, sayur, menjaga kebun buah-buahan yang telah diwariskan oleh keluarga serta membuat kraftangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.2.

Jadual 7.2: Jenis-Jenis Aktiviti Ekonomi Komuniti Iban di Kapit

Jenis Tanaman	Jumlah Rumah Panjang Terlibat (Ya)
Lada	10
Koko	6
Kelapa Sawit	6
Padi	13
Buah-buahan	12
Getah	15
Sayur	13
Perikanan	9
Akuakultur	11
Penternakan	15
Kraftangan	13

Amalan menanam padi dalam kalangan komuniti Iban semakin jarang dilakukan. Fenomena ini berlaku kerana produktiviti hasil padi yang rendah dan segelintir petani hanya dapat bergantung kepada hasil padi sehingga suku tahun. Petani yang mendapat hasil yang banyak pula hanya dapat bergantung kepada hasil padi hingga ke setengah tahun. Oleh itu, mereka terpaksa membeli beras daripada kedai yang berdekatan. Hakikatnya, aktiviti menanam padi bertujuan untuk mengekalkan tradisi mereka sedangkan terdapat petani yang tidak mempunyai kemahiran lain melainkan menanam padi.

Sementara penglibatan dalam industri buah-buahan telah mendatangkan pendapatan yang lumayan terutamanya mereka yang memiliki dusun buah durian dan dabai. Mereka yang bernasib baik dapat memperoleh sehingga RM11,000.00 sekali tuai bergantung kepada kualiti dan kuantiti buah yang

dijual. Kerja-kerja menjual dan membekalkan buah-buahan ini adalah mengikut musim dan tidak tetap. Walaupun demikian, hasil pendapatan ini dapat digunakan untuk menampung kehidupan mereka walaupun bersifat sementara. Bagi mereka yang bijak menabung dan menguruskan kewangan, pendapatan tersebut disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan. Dalam aktiviti menanam sayur-sayuran pula, kebanyakan wanita yang terlibat menerima bantuan daripada Projek 1AZAM dan bantuan daripada kerajaan negeri Sarawak. Projek 1AZAM bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin supaya memperoleh pendapatan melebihi had garis kemiskinan iaitu RM830 sebulan bagi yang miskin dan di bawah RM2,300 sebulan bagi golongan berpendapatan rendah. Antara projek yang dilaksanakan untuk peserta 1AZAM adalah seperti dalam Jadual 7.3.

Jadual 7.3:
Jenis Projek dan Objektif Pelaksanaan Projek 1AZAM di Kapit

Jenis Projek	Objektif
Azam Niaga	Menggalakkan keusahawanan dan penubuhan perniagaan kecil seperti makanan dan minuman, sejuk beku, perniagaan runcit melalui penyediaan latihan dan dana.
Azam Khidmat	Memberi kemudahan untuk perniagaan kecil termasuk perniagaan berasaskan inovasi seperti memotong rumput, menjahit, andaman pengantin dan sebagainya.
Azam Kerja	Membantu dengan peluang pekerjaan yang ada dan memberi galakan kepada peserta terlibat dalam pekerjaan seperti di restoran makanan segera, hotel dan banyak lagi.
Azam Tani	Membantu dalam bidang pertanian, penternakan dan akuakultur.

Menurut Jabatan Pertanian Sarawak, seramai empat peserta di Kapit yang berjaya dalam Projek Cendawan, Projek Membuat Kuih, Projek Ternakan Khinzir dan Projek Jahitan. Hasil pertanian dan kraftangan peserta projek ini dijual di pekan Belaga, Kapit dan Song. Usaha memasarkan hasil tempatan sangat sukar kerana masalah berkaitan logistik. Wanita yang menjual hasil

tani dan produk kraftangan terpaksa bangun sekitar pukul tiga pagi untuk menyediakan sayur-sayuran untuk dihantar ke pekan. Kebanyakan petani tidak mempunyai kenderaan persendirian dan lesen memandu. Mereka bergantung kepada perkhidmatan orang tengah untuk membeli hasil tani. Walaubagaimanapun, orang tengah telah mengambil kesempatan dengan membeli hasil tani pada harga yang murah dan menjual dengan harga yang tinggi di pekan. Perkara yang sama juga berlaku terhadap produk tempatan yang lain seperti kraftangan.

Wanita Iban di Kapit juga berdepan dengan masalah logistik untuk menghantar anak mereka ke sekolah dan pekan-pekan berdekatan untuk membeli keperluan isi rumah, melakukan urusan di bank dan pelbagai urusan peribadi lain. Kawasan luar bandar di Kapit juga tidak mempunyai perkhidmatan pengangkutan awam dan wanita bergantung kepada perkhidmatan kereta dan van sapu. Ibu bapa terpaksa menyewa kereta dan van yang menawarkan kadar sewa yang tinggi. Manakala pelajar yang belajar di sekolah yang jauh dari rumah pula terpaksa tinggal di asrama. Bagi murid yang berusia tujuh tahun, mereka tiada pilihan melainkan terpaksa tinggal di asrama dan dipantau oleh adik-beradik dan saudara-mara yang turut tinggal di asrama yang sama. Kadang-kadang mereka menumpang kenderaan penghuni rumah panjang yang sama untuk ke asrama. Masalah pengangkutan ini adalah salah satu masalah utama yang menghalang pergerakan mereka terutamanya untuk memasarkan produk mereka dan melaksanakan tugas harian seperti menghantar anak ke sekolah. Kos pengangkutan agak tinggi dan membebankan kerana mereka terpaksa menunggu pengangkutan seperti bot ekspres bagi tempoh yang lama. Begitu juga jarak antara rumah panjang dan pekan memerlukan perjalanan yang lama sehingga sekitar tiga hingga empat jam atau lebih. Dari segi utiliti dan infrastruktur, kebanyakan kawasan di Kapit masih belum dibekalkan elektrik dan air paip seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.4.

Kebanyakan penduduk di luar bandar di Kapit menggunakan penjana kuasa sebagai sumber elektrik. Penggunaan penjana kuasa sangat membebangkan terutamanya apabila harga minyak naik. Masalah ini turut membebangkan wanita untuk mendapatkan bekalan minyak seperti diesel dan petrol kerana masalah pengangkutan. Ada yang terpaksa mendapatkan bantuan jiran untuk membeli minyak. Mereka juga berdepan dengan masalah apabila penjana kuasa rosak dan tibanya masa untuk menukar minyak hitam. Kebanyakan menghantar penjana kuasa ke pekan untuk diselenggara di kedai. Kos menghantar penjana kuasa yang rosak sangat tinggi kerana mereka perlu

mengeluarkan wang tambahan untuk membayar tambang penaja kuasa dan menanggung kos membaiki dan menyelenggara.

Jadual 7.4: Jenis Bekalan Air dan Elektrik mengikut Kawasan di Kapit

Daerah	Bekalan Air		Bekalan Elektrik	
	Air Graviti	Lembaga Air	Penjana Kuasa	Sarawak Energy
Baleh	1	-	-	1
Belaga	5	1	4	2
Kanowit	1	2	3	-
Kapit	2	-	2	-
Katibas	-	1	-	1
Mujong	1	-	1	-
Song	1	-	1	-
Takan	-	1	0	1
Ulu Yong	1	-	1	0

Bekalan air juga merupakan masalah utama wanita Iban di Kapit. Kebanyakan rumah panjang bergantung kepada air graviti sebagai sumber bekalan air. Semasa musim kemarau, bekalan air daripada bukit berkurangan dan ini menyukarkan kehidupan sehari-hari komuniti tersebut. Komuniti rumah panjang turut bergantung kepada bekalan air melalui takungan air hujan menggunakan tangki plastik. Semua rumah panjang dan komuniti setempat menerima bantuan tangki plastik daripada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Walaubagaimana pun, kaedah ini mendatangkan masalah semasa musim kemarau kerana air yang ditakung tidak mencukupi. Bekalan air tersebut sangat terhad kerana perlu menampung sehingga 40 buah keluarga. Penduduk di Kapit juga menggunakan sungai Baleh dan Rejang sebagai sumber bekalan air alternatif.

Namun begitu, air sungai yang digunakan mengalami masalah mendapan yang berpunca daripada kesan jangka panjang daripada aktiviti pembalakan. Proses penapisan terpaksa dilakukan untuk menyingkirkan kotoran untuk kegunaan harian. Migrasi keluar kaum lelaki Iban di Bahagian Kapit telah menimbulkan pelbagai masalah dalam institusi keluarga. Antara masalah tersebut adalah kurangnya kasih sayang ayah terhadap anak. Keluarga

dinggalkan lelaki selama satu hingga dua tahun kerana bekerja di tempat yang jauh seperti di kepulauan Solomon. Hubungan yang kurang erat seorang ayah dengan anak yang ditinggalkan dalam satu tempoh yang panjang mendorong kesan psikologi dan sosial terhadap anak.

Kekurangan kasih sayang menyebabkan anak-anak beralih kepada kawan-kawan untuk mendapatkan perhatian. Masalah sosial mula berlaku apabila mereka berkawan dengan kawan bermasalah seperti kerap ponteng sekolah, menghisap rokok dan menagih dadah. Masalah ini juga akan menjurus kepada fenomena masalah keciciran disebabkan kekurangan minat untuk belajar. Kesannya, ramai pelajar yang gagal menamatkan persekolahan sehingga ke peringkat yang sepatutnya seperti tingkatan lima. Mereka bekerja pada usia yang terlalu muda iaitu seawal lima belas tahun dan memilih untuk bekerja sebagai pembantu kedai makan dan pasar raya di bandar. Tugas untuk mengurus dan memantau anak sangat sukar dilakukan bagi ibu yang ditinggalkan suami bekerja jauh. Apabila pencapaian akademik rendah, anak-anak tersebut berdepan dengan masalah untuk mengubah atau memperbaiki tahap sosio-ekonomi keluarga mereka. Akhirnya, mereka akan terperangkap dalam kitaran kemiskinan di mana kemiskinan masih berlaku kerana faktor dalam institusi keluarga itu sendiri.

RUMUSAN

Migrasi keluar telah mendorong kesan positif dan negatif kepada institusi keluarga dalam kalangan komuniti Iban di luar bandar di bahagian Kapit. Kesan negatif terhadap wanita boleh diselesaikan dengan memperkasakan kaum wanita melalui bantuan lesen kendaraan dan subsidi membeli kendaraan. Alternatif lain adalah dengan memperbaiki perkhidmatan kendaraan awam. Mereka juga boleh diperkasakan dari aspek sosio-ekonomi dengan penyediaan latihan pertanian, perniagaan dan pemasaran. Untuk mengatasai masalah berkaitan dengan infrastruktur, bekalan elektrik dan air haruslah diperluaskan di Kapit. Sokongan sosial juga boleh disediakan untuk anak-anak dan remaja kawasan rumah panjang dengan menyediakan pusat belia yang menyediakan kemudahan internet dan sumber pengajaran lain agar mereka tidak keciciran dan tidak terjebak dengan masalah sosial.

Fenomena migrasi keluar dapat dikurangkan apabila program-program ekonomi di kawasan nod pertumbuhan Tunoh beroperasi sepenuhnya. Tunoh, satu nod pertumbuhan dalam Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak yang

dilancarkan pada tahun 2008. Kerajaan negeri Sarawak juga telah menubuhkan Agensi Pembangunan Ulu Rajang (URDA) yang akan mendatangkan manfaat ekonomi kepada penduduk di luar bandar bahagian Kapit. Penubuhan URDA akan membantu petani meningkatkan hasil tanaman melalui peluang pasaran yang lebih besar. Kewujudan jalan raya yang menghubungkan bahagian Kapit dengan kawasan sekitar mampu meningkatkan peluang ekonomi komuniti sekitar sekaligus mengurangkan migrasi keluar.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada geran penyelidikan UTS yang bertajuk “Social economic and environmental profiling of Kapit Division community” (1/2015/02) atas sokongan dana kewangan untuk menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Boserup, Ester (1970). *Women's role in economic development*. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Cammen, S. (1997). Involving Maasai women. Dalam L. France (ed.), *The earthscan reader in sustainable tourism*. London: Earthscan.
- Daniel Ugih Echoh (2014). *Kelestarian pertanian melalui sistem budaya dan pengetahuan tempatan*. Tesis Sarjana Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. (Tidak diterbitkan).
- Little, J. (2002). *Gender and rural geography: Identity, sexuality and power in the countryside*. Harlow: Prentice Hall.
- Malaysia. (2018). *Laporan survei migrasi Malaysia, 2018*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Mohd Fadzil A.R. (2010). *Spatial modelling for distribution of migration potential in Klang Valley Region*. (PhD dissertation). Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. (Tidak diterbitkan).

Scheyvens, R. (2000). Promoting women's empowerment through involvement in ecotourism: experiences from the Third World. *Journal of Sustainable Tourism*, 8(3), 232-249.

Tan, P.C. (1992) Implications of changing family structures on old-age support in the ESCAP region. *Asia-Pacific Population Journal*, (7) 2, 49-66.

Unit Perancang Negeri Sarawak (2018). *Sarawak facts and figures*. Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Menteri, Wisma Bapa Malaysia. Kuching: Government Printing Office, Sarawak.